


# berita MRT

buletin projek MRT

www.mymrt.com.my

APR - JUN 2014
JILID 3
EDISI 2

# PULANG KE TANAH AIR

*Sebilangan besar rakyat Malaysia yang sebelum ini berkhidmat di luar negara telah menyahut seruan untuk pulang ke tanah air untuk berkhidmat dengan Projek MRT. Ikuti kisah empat daripada individu-individu tersebut di halaman 2 dan 3*



**KEMBALI BERKHIDMAT DI MALAYSIA:** *Dari kiri, Sarah Sofia Yahya, Ahmad Safuan Ahmad Radzi, Arun Govindasamy dan Goh Tze Kh'ng.*

## DALAM EDISI INI


**2** Rakyat Malaysia pulang ke tanah air untuk berkhidmat dengan Projek MRT

**4** Kemajuan Projek

**6** Replika tren MRT di KL Sentral

**7** Terowong bahagian selatan selesai

**8** Program sukarelawan kakitangan











# RAKYAT MALAYSIA PULANG KE TANAH AIR DEMI MEREALISASIKAN PROJEK MRT

*Oleh Nik Haizan Nik Zambri, Nadia Azmi and Nadia Marie Mohammad Azlan*

**RAMAI** di kalangan rakyat Malaysia yang mencari peluang pekerjaan di luar negara, membina sebuah karier yang berjaya dan membangunkan asas kerjaya yang kukuh di negara asing. Namun, sebilangan besar rakyat Malaysia telah menyahut seruan untuk pulang ke tanah air demi berkhidmat dan membawa pulang pengalaman, pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, seni bina, perancangan projek dan pengurusan komersial untuk projek infrastruktur terbesar negara iaitu Projek MRT.

Berikut adalah kisah empat individu yang telah memilih untuk pulang berkhidmat di tanah air.

## KEMBALI KE KERJAYA YANG DIIMPIKAN



**KEJAYAAN** • *Ahmad Safuan berdiri di hadapan kawasan kediaman Universiti Sains dan Teknologi Raja Abdullah yang terletak di sebelah sebuah terusan.*

**ENCIK** Ahmad Safuan Ahmad Radzi telah lama berminat untuk bekerja di sebuah Projek MRT.

Semasa bekerja di Arab Saudi, beliau pernah menaiki Makkah Metro beberapa kali ketika beliau menunaikan ibadah Haji.

"Tren yang mempunyai enam gerabak itu membawa jemaah Haji di antara Mekah dan Mina dengan cukup efisyen dan selesa. Bukankah bagus sekiranya Kuala Lumpur juga memiliki sistem seperti itu demi mengurangkan kesesakan lalu lintas," kata beliau.

Ketika itu, beliau berkhidmat dengan Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd. dan dipinjamkan ke Saudi Aramco, syarikat yang bertanggungjawab dalam pembangunan Universiti Sains dan Teknologi Raja Abdullah di Thuwal, bahagian utara Jeddah.

Ahmad Safuan, 38, yang memegang ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam daripada Universiti Sains Malaysia dan ijazah Sarjana Pengurusan Pembinaan daripada Universiti Teknologi Malaysia, merupakan Jurutera Kanan yang bertanggungjawab dalam menyelia segala aspek teknikal dan logistik di tapak projek.

Projek tersebut telah berjaya disiapkan pada 2010. Selepas tiga tahun berkhidmat di Jeddah, beliau pulang ke tempat tinggalnya di Cheras, Selangor. Terdapat beberapa tawaran kerja untuk beliau kembali ke Arab Saudi tetapi sebaliknya beliau memutuskan untuk mencari peluang pekerjaan di Malaysia. "Saya kemudian mendapat tahu bahawa kerajaan Malaysia sedang merancang untuk membangunkan Projek MRT Lembah Klang dan saya sememangnya benar-benar ingin menjadi sebahagian daripadanya."

"Saya menghantar permohonan untuk menyertai Syarikat Prasarana Negara Bhd, yang merupakan pemilik Projek MRT ketika itu. Saya diterima masuk, tetapi malangnya saya tidak ditugaskan bawah Projek MRT. Memang saya berasa kecewa," kata beliau.

Apabila Projek MRT Lembah Klang diserahkan ke Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Ahmad Safuan serta-merta memohon untuk menyertai syarikat yang baru dibentuk itu.

Beliau mula berkhidmat sebagai Jurutera Kanan bawah Divisyen Stesen Bawah Tanah dan menyelia pembinaan Stesen MRT Bukit Bintang – yang dianggap stesen yang paling rumit untuk dibina antara kesemua tujuh buah stesen bawah tanah bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang – dan Stesen Merdeka.

Projek tersebut yang merangkumi kerja pembinaan di kawasan "Golden Triangle" Kuala Lumpur telah membawa suatu cabaran baru buat Ahmad Safuan.

"Ini merupakan kali pertama saya diminta berurusan secara langsung dengan pihak-pihak berkepentingan. Tugas tersebut agak mencabar tetapi mendatangkan banyak manfaat," jelas beliau sambil menjelaskan betapa rumitnya pembinaan Stesen MRT Bukit Bintang yang mempunyai keluasan tapak kerja yang sangat sempit. Ini memerlukan jurutera-jurutera terlibat untuk memikirkan kaedah inovatif dalam pelaksanaan pembinaan stesen tersebut.

Berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang dalam bidang kejuruteraan – empat adik-beradik beliau merupakan jurutera juga - Ahmad Safuan berpendapat jurutera-jurutera muda harus mencari peluang untuk menimba pengalaman bekerja di luar negara.

"Banyak yang dapat dipelajari apabila kita tinggal di negara asing, daripada budaya mereka dan kemahiran yang dapat mereka tawarkan. Tetapi kita harus pulang dan menyumbang semula kepada negara segala pengetahuan dan pengalaman yang telah dipelajari di sana," kata beliau.

## MENAIKI TREN PULANG



**PENUH BANGGA** • *Arun bergambar bersebelahan model "The Guiding Light" di galeri MRT.*

**SETELAH** 10 tahun berkhidmat di United Kingdom bersama sebuah anak syarikat pengeluar tren bertaraf dunia Siemens AG, Encik Arun Govindasamy mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air.

Arun, 38, bertugas sebagai Penolong Pengurus Besar, Divisyen Tren Elektrik dan Kenderaan Kelengkapan & Penyelenggaraan Depoh di Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan beliau memang tidak asing lagi dalam industri rel.

Jurutera mekanikal lulusan Universiti Sheffield ini memulakan karier dalam sektor kereta api bersama Siemens Integra Transportation Systems Sdn Bhd dimana beliau terlibat dalam pembinaan Projek Express Rail Link pada hujung tahun 1990-an.

Pada 2002, beliau mengambil langkah berani dengan berpindah ke United Kingdom untuk meneruskan kerjayanya di sana. Apabila peluang tersebut muncul, beliau mengambil keputusan untuk terus mendapatkannya. Keputusan tersebut banyak dipengaruhi oleh salah seorang pengarah beliau pada masa itu, yang telah banyak memberikan galakan dan sokongan.

Beliau berkhidmat di Siemens Mobility, yang mengendalikan penyelenggaraan stok keretapi, di UK. Berpangkalan di Northampton yang merupakan ibu pejabat bagi stok keretapi, Arun telah terlibat dalam pelbagai projek rel utama di sana, bermula dengan South West Trains, Heathrow Express, National Express East Anglia, Northern, London Midlands, TransPennine Express, First ScotRail, dan yang terkini, Thameslink.

Pada 2009, beliau ditugaskan oleh Siemens AG untuk menjadi sebahagian daripada pasukan yang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan. Ini telah membawa beliau merantau ke serata dunia termasuk Johannesburg, Rome dan Dubai untuk tempoh selama tiga hingga enam bulan di setiap lokasi.

Arun sentiasa memendam hasrat untuk pulang ke Malaysia tetapi tidak pernah menemui peluang yang sesuai. Walau bagaimanapun, pada suatu hari pada tahun 2011, beliau dimaklumkan bahawa Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) akan mengadakan satu roadshow di Manchester. Beliau telah mengambil keputusan untuk pergi dan melihat apa yang mereka tawarkan.

"Mereka memberitahu saya bahawa kepakaran dalam bidang keretapi sangat diperlukan di Malaysia," kata beliau.

TalentCorp telah membantu mengaturkan temu bual bagi Arun dengan Pengarah Projek MRT Corp Encik Marcus Karakashian semasa Arun sedang bercuti di Kuala Lumpur. Pada Januari 2012, beliau menerima surat tawaran untuk bekerja dengan MRT Corp. Empat bulan kemudian, beliau mula bekerja di ibu pejabat MRT Corp di Bukit Damansara.

"Saya mahu memberikan sumbangan saya kepada negara. Saya merasakan bahawa segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh semasa bekerja di England harus dikongsikan di Malaysia," jelas Arun.

Beliau menambah: "Bekerja dalam budaya kerja yang berbeza-beza telah mengajar saya banyak perkara, dari segi professionalisme, keperluan berterusan untuk melakukan perubahan dan melakukan sesuatu dengan betul pada kali pertama. Ia adalah suatu pengalaman yang sangat menarik, berpeluang untuk bekerja bersama-sama dengan pereka rel terunggul di dunia."

Arun menyatakan bahawa Projek MRT Lembah Klang telah membuka banyak peluang kepada rakyat Malaysia.

Beliau gembira melihat bagaimana projek ini dikendalikan di bawah pimpinan cemerlang pihak pengurusan.

"Saya percaya MRT Corp berada di landasan yang betul dan akan menjadi pencetus perubahan dalam industri rel tanah air," katanya.

## MENGIKUTI LANDASAN KERETAPI



**SEDIA BERKONGSI** • *Goh memberi taklimat ringkas berkenaan tapak kerja Stesen Phileo Damansara kepada delegasi daripada Mass Rapid Transit Jakarta.*

**ENCIK** Goh Tze Kh'ng telah lama berkecimpung dalam projek-projek keretapi sejak zaman permulaan kariernya di Singapura selepas menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Singapura.

Goh, yang berasal dari Pontian, Johor, sentiasa mengimpikan kerjaya sebagai seorang jurutera tetapi tidak pernah terfikir bahawa beliau akan terlibat dalam sektor kereta api. Permulaan karier beliau bersama Pihak Penguasa Pengangkutan Darat Singapura (LTA) pada 1998 telah sedikit sebanyak menetapkan laluan kerjayanya dan beliau terus kekal di sektor itu sejak itu.

Sepanjang 14 tahun berkhidmat dengan LTA, Goh telah ditugaskan untuk pelbagai projek, seperti North East Line, Circle Line dan Downtown Line.

Pada 2012, Goh mengambil keputusan untuk pulang ke Malaysia setelah mendapat tawaran kerja daripada Projek MRT Lembah Klang. Beliau kini bertugas sebagai Pengarah Pembinaan Jajaran Bertingkat (Utara) di Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) di mana beliau bertanggungjawab ke atas pembinaan jajaran bertingkat di seksyen utara dari Sungai Buloh ke Portal Semantan serta Depoh Sungai Buloh.

"Sebab utama saya mengambil keputusan sedemikian adalah kerana projek itu sendiri. Saya masih ingat saya pernah berpesan kepada diri sendiri, 'Alangkah menariknya pengalaman bagi saya apabila dapat terlibat dalam projek laluan MRT pertama di Malaysia,'" kata beliau.

Projek MRT Lembah Klang adalah projek pembinaan MRT yang keempat buat Goh namun beliau masih rasa teruja seperti ketika melaksanakan projek pertama beliau.

"Ianya sentiasa menjadi suatu perkara yang mengujakan apabila membangunkan sesuatu daripada mula, tidak kira berapa kali saya pernah melakukannya," jelas beliau lagi.

Mengulas tentang suasana kerja di Malaysia, beliau berpendapat bahawa terdapat perbezaan daripada segi budaya kerja.

"Masyarakat Malaysia lebih bersifat terbuka dan setiap orang boleh menyuarakan pandangan masing-masing. Di Singapura, suasana kerja di sana lebih tegar dan berlandaskan proses yang rapi dan ketat. Saya berharap dapat berkongsi pengalaman saya bekerja di Singapura dan menerapkannya di sini," tambah beliau.

Bagi jurutera-jurutera muda yang baru memasuki kerja pertama, Goh berpesan agar mereka lebih bersabar, terutamanya apabila sesuatu perkara tidak menepati apa yang mereka jangkakan.

"Membina sesuatu kerjaya mengambil tempoh yang agak lama. Anda harus bersabar dan tabah," kata Goh.

Dan bagaimana Goh terus fokus dan cemerlang dalam kerjaya beliau? "Sentiasa bayangkan hasil akhir daripada setiap usaha anda. Ia akan memberi dorongan kepada anda."





# PULANG UNTUK BERKHIDMAT DI TANAH AIR

Dari meja Ketua Pegawai Eksekutif

**DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID**

**KAMI** mengambil keputusan untuk menjadikan edisi Berita MRT kali ini sedikit berbeza.

Jika edisi-edisi sebelum ini banyak memberi fokus kepada mesin peralatan dan kerja-kerja pembinaan sebagai topik utama, untuk edisi kali ini, kami memutuskan untuk memberi perhatian kepada individu-individu yang mengendalikan projek – khususnya mereka yang pulang dari luar negara untuk menjadi sebahagian daripada Projek MRT.

Saya sentiasa menekankan bahawa modal insan adalah aset terpenting bagi projek kami, melebihi segala mesin peralatan berteknologi tinggi yang kami punyai. Ia merupakan suatu perkara utama untuk kami mendapatkan tenaga mahir terbaik dalam semua disiplin, tidak kira dalam bidang pembinaan, reka bentuk atau pengurusan projek, demi memastikan projek dilaksanakan dengan sempurna.

Mereka yang bekerja untuk Projek MRT datang dari pelbagai tempat dan latar belakang. Projek ini diuruskan oleh sebuah pasukan yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang bekerjasama dengan sekumpulan "expatriate".

Perkara khusus yang membuat saya berasa begitu bangga apabila bercakap mengenai modal insan adalah apabila Projek MRT berjaya menarik sebilangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang ke tanah air. Malaysia, menerusi Talent Corporation Malaysia (TalentCorp), berusaha keras untuk menyelesaikan isu "brain drain" yang telah menyelubungi negara sejak bertahun lama dahulu.

Semestinya, sesuatu perlu dilakukan untuk mengurangkan tenaga mahir terbaik negara pergi ke luar negara untuk bekerja.

Ada banyak sebab mengapa mereka memilih untuk bekerja di luar negara. Agak mustahil untuk menyelesaikan isu "brain drain" ini sepenuhnya tetapi pihak Kerajaan terus berusaha menghasilkan peluang-peluang di tanah air agar tenaga mahir negara dapat terus berada di dalam negara sementara berusaha menarik minat mereka yang sudah berkhidmat di luar negara.

Saya rasa berbesar hati kerana Projek MRT menjadi salah satu peluang yang berjaya menarik minat tenaga mahir untuk pulang ke Malaysia. Empat individu yang dipaparkan dalam edisi Berita MRT kali ini akan memberikan anda gambaran tentang faktor yang membuat mereka mencari peluang di luar negara serta faktor yang menyebabkan mereka pulang ke tanah air. Mereka juga berkongsi pengalaman mereka bekerja di Malaysia sehingga kini.

Tentu sekali, terdapat ramai lagi individu lain daripada latar belakang yang sama seperti keempat-empat mereka dalam MRT Corp. Kami mempunyai sejumlah 18 rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara untuk menyertai kami. Ada juga yang telah habis berkhidmat di luar negara dan mengambil keputusan untuk terus berada di Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada Projek MRT.

Saya berharap mereka akan terus merakam kejayaan dalam fasa baru kerjaya mereka ini.

Selain itu, saya turut gembira untuk mengumumkan bahawa proses pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang kini telah menghampiri pertengahan sasaran siap. Sehingga hujung bulan Jun 2014, pembinaan projek telah selesai 47.63%, dengan kemajuan bagi seksyen bawah tanah sebanyak 63.34% manakala seksyen bertingkat sebanyak 37.24%.

Kemajuan pembinaan terowong bawah tanah juga telah berjalan dengan baik. Seksyen terowong bawah tanah di antara Portal Semantan dan KL Sentral, Pasar Rakyat dan Cochrane, Cochrane dan Stesen MRT Maluri, dan di antara Stesen Maluri dan Portal Maluri telah siap dibina. Penggalian terowong menggunakan lima Mesin Pengorek Terowong (Tunnel Boring Machine/TBM) sedang dijalankan dari KL Sentral menuju Pasar Seni (dua buah TBM), Pasar Rakyat menuju Bukit Bintang (dua buah TBM), dan dari Syaf Pelancaran Pudu menuju Stesen Merdeka (sebuah TBM).

Kemajuan baik juga ditunjukkan pada tujuh stesen bawah tanah kami, dimana pembinaan untuk struktur stesen bagi enam stesen MRT sudah dimulakan.

Untuk seksyen bertingkat, kami telah berjaya menyiapkan 35% daripada jejambat bertingkat dimana landasan tren akan dibina kelak. Pemasangan landasan tetap juga sudah mula dilakukan di Depoh Sungai Buloh.

Suku kedua tahun ini berakhir dengan pencapaian membanggakan apabila berlakunya penyerahan dua badan tren pertama kami. Badan tren ini tiba di Westport, Pelabuhan Klang dan diangkut ke kilang pemasangan badan tren milik SMH Sdn Bhd di Rasa, Hulu Selangor.

Saya begitu teruja apabila kami kini memasuki fasa projek seterusnya iaitu pelaksanaan pakej kerja sistem, yang merangkumi kerja pemasangan landasan serta penyerahan tren. Tidak lama lagi kesemua 232 badan tren dijangka akan tiba di Malaysia dan dipasangkan menjadi 58 set tren yang akan melalui Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

*Azhar*

## MINAT MENDALAM PADA REKA BENTUK



**PENUH BANGGA** • *Sarah Sofia ketika melakukan pemeriksaan mingguan ke tapak kerja di Menara 3 Pusat Kewangan Marina Bay.*

**TATKALA** mendengar Puan Sarah Sofia Yahya, 28, asyik berbicara tentang tugasnya sebagai seorang arkitek, sukar dipercayai bahawa cita-cita asalnya adalah untuk menjadi seorang doktor.

Beliau dulu sangat meminati subjek Biologi dan setelah menamatkan persekolahan di Sekolah Menengah Sains Muar, sudah hampir pasti beliau bakal meneruskan pengajian dalam bidang perubatan.

Namun, selepas tamat pengajian di peringkat matrikulasi, Sarah ditawarkan pengajian ke jurusan senibina di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau tidak kecewa tetapi sebaliknya menerimanya dengan hati yang terbuka.

"Malah, saya seronok mempelajari jurusan itu kerana saya mempunyai minat mendalam pada seni," kata Sarah.

Apabila semakin menghampiri penghujung pengajiannya, Sarah mencari peluang di Singapura. Beliau telah ditawarkan kerja di Architects 61, sebuah firma arkitek yang menguruskan pelbagai projek pencakar langit di Singapura. Tambahan lagi, rekaan ibu pejabat firma tersebut dihasilkan oleh arkitek sama yang mereka The Louvre di Paris. Di Architects 61, Sarah merupakan sebahagian daripada pasukan yang mengendalikan projek mega Pusat Kewangan Marina Bay.

Penglibatan Sarah dalam sektor kereta api bermula apabila beliau menyertai syarikat seterusnya iaitu DP Architects.

"Di DP Architects, saya terlibat dalam projek Depoh MRT Tuas selaku Arkitek Projek," jelas beliau.

Pada masa itu, Sarah telah mengahwini seorang rakyat Malaysia, dan harus mengimbangi jadual kerja yang ketat dengan hubungan jarak jauh bersama suami.

"Pada hari-hari biasa, perhatian saya adalah pada tugasan kerja, sementara pada hari-hari minggu tertentu, saya akan pulang ke Malaysia," kata beliau.

Pada suatu hari, Sarah menerima panggilan daripada bekas teman kerja daripada projek Depoh Tuas dan dimaklumkan bahawa nama beliau telah dicadangkan kepada seseorang di MRT Corp.

Beliau kini memegang jawatan sebagai pengurus di Divisyen Reka Bentuk (Seni Bina) di MRT Corp.

Selain dapat meluangkan lebih masa bersama suaminya, Sarah menyatakan keputusan untuk menyertai MRT Corp memberikan beliau peluang untuk meraih lebih banyak pengalaman dalam projek-projek rel transit.


"Peluang bekerja di sebuah Projek MRT adalah suatu peluang yang jarang muncul," jelas beliau.

Kepulangannya ke Malaysia telah memberi ruang untuk beliau melihat pelbagai perkara daripada sudut yang berbeza. Walaupun berasal dari Malaysia, Sarah tidak mempunyai sebarang pengalaman bekerja di sini dan beliau harus menyesuaikan diri dengan rentak dan persekitaran kerja yang baru.

"Penyelia langsung saya adalah seorang warganegara Singapura, jadi perubahan tersebut tidaklah terlalu ketara."

"Saya seronok bekerja di sini. Saya mempelajari banyak perkara baru setiap hari dan pada masa yang sama, saya rasa berbesar hati kerana berpeluang untuk berkongsi pengalaman saya dan berkhidmat untuk Projek MRT," katanya.

# KEMAJUAN PROJEK





1
**SEMAKIN SIAP**
*Pandangan dari atas Depoh Sungai Buloh di mana terletaknya kawasan menyimpan tren berbumbung (kiri), bangunan penyelenggaraan stok kereta api (tengah), bangunan infrastruktur (kanan, belakang) dan bangunan pentadbiran yang juga berfungsi sebagai pusat kawalan operasi (kanan, depan).*


2
**MENUJU SASARAN**
*Pandangan rentang jejambat MRT yang telah siap bagi landasan cabang dari Depoh Sungai Buloh (kanan) sementara gantri pelancar sedang membina jejambat bagi landasan utama.*


3
**SELESAI**
*Pandangan dari atas jejambat MRT yang telah siap dibina ke arah Kota Damansara di dalam tapak kawasan Institut Penyelidikan Getah Malaysia di Sungai Buloh.*


4
**PERSIMPANGAN YANG SIBUK**
*Pembinaan laluan bawah tanah sedang dijalankan di persimpangan Persiaran Surian-Jalan Mahogani.*


5
**KAWASAN MEMBELI-BELAH**
*Pembinaan MRT sedang dijalankan berhampiran Menara Surian dan IPC di Mutiara Damansara.*


6
**MESIN MENAKJUBKAN**
*Gantri pelancar mendirikan jejambat MRT di sepanjang Jalan Damansara.*


7
**TAPAK KERJA YANG SIBUK**
*Pembinaan Stesen TTDI berhampiran Plaza TTDI sedang dijalankan.*


8
**GIAT DIBANGUNKAN**
*Pembinaan Stesen Phileo Damansara giat berjalan.*


9
**LOKASI SUKAR**
*Pandangan dari atas pembinaan Stesen Pusat Bandar Damansara merentasi Persimpangan Ma'arof di Lebuhraya Sprint.*


10
**RUMIT**
*Pandangan dari atas pembinaan Stesen Semantan merentasi Jalan Semantan.*


11
**PENGHUJUNG TEROWONG**
*Pandangan gerabak mengangkut keluar bahan dari mesin pengorek terowong di Portal Semantan.*


12
**PENGGALIAN TEROWONG**
*Pandangan terowong yang telah selesai dan pandangan belakang mesin pengorek terowong yang terus menggali terowong ke arah Stesen MRT Pasar Seni.*



13
**PENGGALIAN DALAM**
*Pandangan kekotak Stesen MRT Pasar Seni di mana bekas tapak UO Superstore dapat dilihat di hadapan gambar.*


14
**TAPAK KERJA YANG SIBUK**
*Kerja membuka tupang-tupang yang menyokong dinding-dinding diafragma bagi kekotak Stesen Merdeka sedang dijalankan.*


15
**BEKERJA KERAS**
*Pandangan bahagian hadapan mesin pengorek terowong Pudu 2 yang menggali terowong ke arah Stesen Merdeka.*


16
**RUANG KERJA TERHAD**
*Pandangan tapak kerja Stesen MRT Bukit Bintang di hadapan BB Plaza.*


17
**STESEN YANG DALAM**
*Pandangan penghujung bahagian selatan kekotak Stesen Pasar Rakyat, dengan pembukaan dua terowong dari Stesen Cochrane di bahagian bawah sebelah kanan.*


18
**PANDANGAN TEROWONG**
*Pandangan terowong dari Cochrane menuju ke Pasar Rakyat.*



19
**STESEN BAWAH TANAH**
*Pandangan papak ruang tingkat bawah (atas), papak tingkat ruang legar (tengah) dan papak platform (bawah) bagi Stesen Cochrane sedang dibina.*


20
**KERJA PENGGALIAN**
*Kekotak Stesen MRT Maluri sedang digali sementara pelantar digunakan untuk menutup kawasan korekan bagi memberi lebih ruang kerja dan lencongan trafik.*


21
**ATAS TANAH**
*Pandangan seksyen yang menggunakan kaedah "cut and cover" di portal Maluri di mana tren MRT akan muncul naik dari bawah tanah.*


22
**KEMAJUAN MENGGALAKKAN**
*Pemasangan parapet sedang dijalankan di sepanjang seksyen jejambat yang telah selesai di Flat Sri Sabah.*


23
**SOKONGAN KUAT**
*Tiang-tiang sokongan dan rasuk silang (cross beams) bagi stesen MRT sudah mulai terbentuk di hadapan deretan kedai di Taman Midah, Cheras.*



24
**KE ARAH BANDAR RAYA**
*Pandangan jejambat yang telah siap dibina di sepanjang Jalan Cheras di Taman Midah.*



25
**STESEN BERTINGKAT**
*Pembinaan Stesen Taman Suntex bersebelahan Lebuhraya Cheras-Kajang sedang dijalankan.*


26
**GIAT DIBANGUNKAN**
*Pembinaan Stesen Taman Koperasi Cuepacs bersebelahan Lebuhraya Cheras-Kajang sedang dijalankan.*


27
**TAPAK YANG LUAS**
*Pandangan Depoh Kajang di mana dapat dilihat konkrit bertetulang berdiri kukuh dan papak platform di kawasan menyimpan unit tren elektrik.*


28
**STESEN AKAN DATANG**
*Pandangan pembinaan Stesen Sungai Kantan sedang dijalankan.*


29
**DI TENGAH BANDAR**
*Pandangan dari atas tapak Stesen Bandar Kajang yang berhampiran dengan Stadium Kajang.*


30
**24 JAM SEHARI**
*Pandangan kerja pembinaan Stesen MRT Kajang sedang dijalankan pada waktu malam.*

# SEKILAS PANDANG KE MASA HADAPAN

*Oleh Nadia Azmi*



**TERUJA** • *Kakitangan MRT Corp bergambar di tingkap hadapan replika tren MRT.*



**UNTUK KENANGAN** • *Juruhebah stesen radio Hot.fm, Kieran bergambar kenangan bersama orang awam di dalam replika tren MRT.*



**PENGALAMAN LANGSUNG** • *Perwakilan media melihat replika tren semasa lawatan media.*

**ORANG** ramai mendapat sedikit gambaran tentang masa depan pengangkutan awam di Lembah Klang apabila Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mempamerkan replika bersaiz sebenar tren MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang.

Replika tren tersebut dipamerkan di Balai Ketibaan KLIA Ekspres di KL Sentral, bermula dari 17 Mac 2014 hingga 16 Mei 2014.

Beribu-ribu pengunjung mengerumuni replika tren ini dan berpeluang merasai sendiri pengalaman berada di dalam tren MRT.

Replika yang dipamerkan kepada orang ramai merupakan replika separuh daripada gerabak tren MRT dengan reka bentuk, warna dan susun atur dalaman yang sebenar. Replika tren ini juga lengkap dengan segala aksesori dan lekapan, skrin paparan maklumat serta pengumuman.

Pengunjung digalakkan mengambil gambar dan berkongsi pengalaman mereka dengan memuat naik gambar di Instragram dengan hashtag #MRTMalaysia. Beratus-ratus keping gambar telah dimuat naik dalam tempoh yang sama replika tren dipamerkan.

Pengunjung juga telah memberikan maklum balas berkenaan reka bentuk tren. Ramai yang berpendapat bahawa tren tersebut mempunyai ruang yang luas dan mempunyai reka bentuk moden. Tidak kurang juga yang memberikan komen tentang kedudukan susur tangan dan penunjuk di dalam tren.

Pameran replika tren tersebut juga telah menarik perhatian stesen radio Hot.fm yang telah menjadikannya sebagai lokasi Cabaran Stack Attack pada 7 Mei 2014.

Ketika program berlangsung, juruhebah Hot.fm Kieran dan Liza masing-masing telah merekrut lima orang di kalangan pengunjung yang hadir untuk berentap dalam Cabaran Stack Attack dimana markah akan diberikan kepada peserta yang berjaya menyusun cawan-cawan plastik secara bertingkat dan menyusun kembali ke kedudukan asal . Selain itu, terdapat juga pelbagai permainan lain seperti meminta peserta menghabiskan lagu yang dimainkan.

Lebih kurang 30 orang pengunjung yang berada di pameran replika tren tersebut berasa terhibur dengan program yang berlangsung selama hampir dua jam itu. Sementara pengunjung –pengunjung lain tidak melepaskan peluang bergambar bersama Kieran dan Liza.

Pameran replika tren tersebut dijalankan atas kerjasama antara MRT Corp dan Siemens AG dari Jerman, iaitu kontraktor yang bertanggungjawab membekalkan tren-tren bagi projek MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang.

"Replika ini didatangkan jauh dari Jerman. Ia dikilangkan di sana, kemudian bahagiannya diceraikan dan dihantar ke Malaysia sebelum dipasang semula di KL Sentral," kata Puan Sandra Gott-Karlbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Pengangkutan Bandar dan Sistem Rel Siemens AG, semasa lawatan media sempena pameran replika tren tersebut pada 17 Mac 2014, hari yang sama replika tren ini dibuka kepada umum.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Encik Amir Mahmood Razak, yang turut hadir di lawatan media tersebut menyebut bahawa tren adalah "touch point" yang paling penting bagi orang awam.

"Pengguna akan menghabiskan lebih banyak masa di dalam tren berbanding mana-mana komponen lain perkhidmatan rel. Oleh itu, MRT Corp ingin orang ramai merasai sendiri pengalaman menaiki tren kami sebelum tren sebenar mula beroperasi," beliau dipetik berkata.

Tren dengan tema reka bentuk "The Guiding Light" akan mula digunakan pada Disember 2016 apabila Fasa Satu MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang yang menghubungkan Stesen Sungai Buloh hingga Stesen Semantan mula beroperasi.

Tren-tren MRT akan dibekalkan oleh Siemens dan setiap set tren mempunyai empat gerabak. Setiap tren mampu menampung 1,200 penumpang.

Reka bentuk tren ini dihasilkan oleh DesignworksUSA daripada BMW Group manakala komponen-komponen tren pula dihasilkan di beberapa negara berasingan. Komponen-komponen seperti tempat duduk serta kabel dan lampu LED dikilangkan di Malaysia. Komponen-komponen yang dikeluarkan di luar negara akan dihantar ke Malaysia dan dipasang di kilang SMH Rail Sdn Bhd di Rasa, Hulu Selangor. Setelah siap dipasang, tren-tren ini akan dibawa ke Depoh MRT Sungai Buloh.

Sebanyak 58 buah tren akan digunakan bagi jajaran MRT pertama, dengan kekerapan satu tren bagi setiap 3.5 minit ketika waktu puncak. Apabila mula beroperasi, tren ini mempunyai halaju maksimum 100 km/j, tetapi tren ini hanya akan bergerak dengan kelajuan purata 40 km/j.

# PROGRAM KEUSAHAWANAN PROJEK MRT

*Oleh Fakhrurrazi Mohammad*



**DETIK BERSEJARAH** • *Kumpulan Pertama Program keusahawanan Graduan Muda MRT*

**KUMPULAN** pertama Program Keusahawanan Graduan Muda MRT telah berjaya menamatkan latihan dimana mereka mempelajari pelbagai kemahiran bagi mempersiapkan diri untuk menjadi kontraktor dalam industri pembinaan.

Satu upacara graduasi ringkas telah dilangsungkan di Ibu Pejabat Korporat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) pada 15 Mac 2014. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, kepada 14 peserta program ini.

Turut hadir dalam upacara tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Encik Dzulkifli Fadzilah. Dalam ucapan beliau, Datuk Wira Azhar menyatakan harapan beliau agar para peserta telah mendapat manfaat daripada program tersebut dan akan memberikan yang terbaik.

"Rebut peluang yang ada. Tingkatkan kemahiran dan kemampuan sebagai kontraktor bagi mengangkat martabat industri ini pada masa hadapan," kata beliau.

Program yang dilaksanakan dengan kerjasama PUNB ini merupakan sebahagian daripada Agenda Bumiputera MRT Corp.

Program ini bertujuan mewujudkan satu kelompok usahawan Bumiputera yang berupaya menceburi industri pembinaan.

Peserta-peserta program terdiri daripada pemegang diploma atau ijazah yang berumur antara 24 dan 31 tahun serta telah mengikuti latihan bersama PUNB selama setahun. Proses pemilihan untuk program ini memerlukan peserta menghantar resume mereka dan menjalani temuduga.

Setelah terpilih, peserta menjalani latihan selama setahun bersama PUNB dan kemudian satu latihan lain selama enam bulan bersama MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd yang merupakan Rakan Pelaksana Projek MRT.

Dalam program ini, peserta dikehendaki menubuhkan syarikat secara bersendirian atau secara usaha sama yang didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Syarikat-syarikat ini kemudiannya dianugerahkan kontrak oleh MRT Corp. PUNB bertanggungjawab menyediakan peruntukan bagi penubuhan syarikat-syarikat ini dan peserta juga diberikan elaun bulanan.




## TAHUKAH ANDA….

**SISTEM** metro Tokyo adalah sistem yang paling sibuk di dunia, dengan jumlah penumpang sebanyak 8.7 juta sehari. Sistem tersebut merangkumi 13 laluan dan 290 stesen, yang terdiri daripada beberapa rangkaian berasingan yang dikendalikan oleh operator berbeza.

Sistem metro tersebut merupakan sebahagian daripada sistem rel di wilayah sekitar Tokyo, yang terdiri daripada komuter dan tren daerah. Keseluruhan rangkaian mempunyai 800 stesen dan jumlah penumpang seramai 40 juta sehari.





# PENGAMBILAN TANAH PERSENDIRIAN UNTUK KEPENTINGAN UMUM

**DALAM bahagian kedua bagi siri berkaitan hal ehwal tanah, kami memperkenalkan prinsip-prinsip dan prosedur asas proses pengambilan tanah bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.**

*Oleh Khazrul Hislan Kamarudin*

**AKTA** Pengambilan Tanah 1960 (LAA) yang telah digubal oleh Parlimen Malaysia bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang berkaitan pengambilan tanah bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

Sebelum LAA dikuatkuasakan, kerajaan negeri mempunyai kuasa dalam hal ehwal pengambilan tanah seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, justeru setiap negeri menggunakan enakmen negeri masing-masing bagi tujuan pengambilan tanah. Pada waktu itu, setiap negeri mempunyai dasar dan prosedur sendiri untuk tujuan tersebut.

Namun kini, LAA diguna pakai di setiap negeri di Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak, yang menggunakan enakmen negeri masing-masing iaitu Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak.

Kesemua tanah milik persendirian yang diperlukan untuk Projek MRT Lembah Klang telah diambil menggunakan LAA. Kerajaan telah membayar kira-kira RM1.6 bilion sebagai pampasan bagi pengambilan tanah. Melihat pada aspek kawasan, dianggarkan seluas 170 hektar tanah telah diambil untuk projek ini, yang melibatkan lebih 400 lot tanah.

Perlu dinyatakan disini bahawa tanah milik persendirian yang diambil bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang merangkumi kira-kira 30% sahaja daripada jumlah tanah yang diperlukan. Sementara untuk selebihnya, projek ini menggunakan tanah milik kerajaan dan tanah-tanah lain seperti rizab jalan dan sungai.

Salah satu daripada perkara asas bagi pengambilan tanah adalah tujuan pengambilan dilakukan. Seksyen 3(1) bawah LAA menyenaraikan tiga jenis pengambilan, setiap satu daripadanya ditentukan oleh tujuan untuk melakukan pengambilan. Jenis-jenis tersebut adalah:

- untuk kepentingan umum
- oleh mana-mana individu atau syarikat dengan tujuan memberikan manfaat kepada pembangunan ekonomi
- bagi perlombongan, kediaman, pertanian, komersial, perindustrian dan lain-lain.

Tanah yang diambil bagi Projek MRT adalah untuk tujuan kepentingan umum. Oleh kerana permohonan bagi pengambilan tanah untuk kepentingan umum hanya boleh dilakukan oleh Kementerian atau agensi Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah membuat permohonan pengambilan tanah untuk pelaksanaan Projek MRT kerana ia merupakan projek Kerajaan Persekutuan.

Memandangkan projek ini adalah milik Kerajaan Persekutuan sementara urusan pengambilan tanah adalah bawah bidang kuasa kerajaan negeri, Artikel 83 dalam Perlembagaan Persekutuan perlu diguna pakai. Artikel ini membolehkan Kerajaan Persekutuan untuk meminta Pihak Berkuasa Negeri untuk melakukan pengambilan tanah bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Sebagai Agensi Pemohon bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk Projek MRT, Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan permohonan untuk pengambilan tanah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). JKPTG bertindak sebagai penyelaras bagi Kerajaan Persekutuan, serta perantara antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, untuk semua urusan tanah.

JKPTG menyediakan permohonan dan mengemukakannya kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri untuk diserahkan ke Jawatankuasa Eksekutif Tanah Negeri (Exco Tanah).

Oleh kerana tanah bagi Projek MRT berlokasi di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka permohonan tersebut perlu diserahkan ke Exco Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan.

Exco Tanah Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara manakala bagi Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, ia dipengerusikan oleh Menteri Besar. Apabila permohonan itu diluluskan, Kerajaan akan melantik seorang pegawai JKPTG, yang merupakan seorang Pegawai Persekutuan, melalui warta di bawah Seksyen 12(1)(b) berkenaan Kanun Tanah Negara 1965, untuk memainkan peranan sebagai Pentadbir Tanah Daerah khusus untuk melaksanakan proses pengambilan tanah bagi pihak Kerajaan.

# TEROWONG BAWAH TANAH MRT SEKSYEN SELATAN SELESAI

*Oleh Nik Haizan Nik Zambri*





**MENGIKUT URUTAN** • *Kombinasi gambar menunjukkan kejayaan penembusan terowong oleh TBM Maluri 2 pada 24 April.*



**KERJA SELESAI** • *Pandangan terowong bawah tanah yang telah siap digali di portal, dengan TBM Maluri 2 sedang dibuka (kanan).*



**SATU LAGI KEJAYAAN DITEMPA**• *Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (tengah) bersama Pengarah Projek MGKT Encik Satpal Bhogal (kanan) dan Pengurus Projek MGKT Encik Gustaz Klados (kiri) bergambar di hadapan TBM Maluri 2 setelah ia selesai menembusi terowong pada 24 April 2014.*

**PROJEK** MRT Lembah Klang telah menempa satu lagi kejayaan penting apabila Mesin Pengorek Terowong (TBM) Maluri 2 berjaya menembusi Portal Maluri di Cheras pada 24 April 2014.

Ini merupakan penembusan terowong kedua di Portal Maluri – penembusan pertama oleh TBM Maluri 1 berlaku pada 8 April 2014.

TBM Maluri 2 berjaya menembusi terowong di lokasi yang sama. Dengan kejayaan penembusan ini, terowong bawah tanah MRT Sungai Buloh-Kajang di seksyen selatan, iaitu dari Portal Maluri ke Pasar Rakyat di mana terdapat Stesen Maluri dan Stesen Cochrane di antara keduanya, kini telah selesai.

Jarak dari Portal Maluri, iaitu di penghujung bahagian selatan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, ke Stesen Pasar Rakyat adalah 2.3 km.

Seksyen terowong bawah tanah MRT Sungai Buloh-Kajang lain yang telah selesai adalah di antara Portal Semantan, penghujung terowong di bahagian utara, dan Stesen MRT Muzium Negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, yang hadir pada acara sempena kejayaan penembusan terowong oleh TBM Maluri 2, berkata kejayaan tersebut membuktikan bahawa kerja-kerja penggalian terowong telah dijalankan dengan baik.

"Ia membolehkan kerja-kerja penggalian terowong dan pembinaan stesen bawah tanah siap lebih 50%," jelas beliau.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT), kontraktor bagi Kerja-Kerja Bawah Tanah Projek MRT, atas kejayaan tersebut. Pihak pengurusan kanan MGKT turut hadir di acara itu.

TBM Maluri 1 dan Maluri 2 memulakan penggalian kedua-dua terowong berkembar dari Syaf Pelancaran Cochrane masing-masing pada 5 Oktober 2013 dan 9 November 2013. Kedua-dua TBM tersebut telah menggali terowong sejauh kira-kira 1.3 km.

Terowong bawah tanah yang digali oleh TBM Maluri 1 adalah untuk tren ke arah utara manakala TBM Maluri 2 menggali terowong untuk tren ke arah selatan.

# DI MANAKAH LOKASI MESIN-MESIN PENGOREK TEROWONG (TBM)?




## Kemajuan pembinaan terowong bawah tanah hingga 30 Jun 2014

1. TBM Semantan 1 – Selesai menggali terowong bawah tanah arah utara di antara Portal Semantan dan Stesen MRT KL Sentral (1.5km) pada 24 Disember 2013. Dilancarkan semula pada 28 Mac 2014 dan sedang menggali terowong ke arah Pasar Seni (453.6m).
2. TBM Semantan 2 – Selesai menggali terowong bawah tanah arah selatan di antara Portal Semantan ke Stesen MRT KL Sentral (1.5km) pada 16 Januari 2014. Dilancarkan semula pada 21 April 2014 dan sedang menggali terowong ke arah Pasar Seni (415.8m).
3. TBM Pudu 2 – Dilancarkan pada 16 Mei 2014 dan sedang menggali terowong ke arah Stesen Merdeka (61.6m).
4. TBM Cochrane 1/Inai 1 – Selesai menggali terowong arah utara di antara Stesen Cochrane dan Pasar Rakyat (1km), dan meneruskan penggalian ke arah Stesen MRT Bukit Bintang (1.1km).
5. TBM Inai 2 – Sedang menggali terowong arah selatan di antara Stesen Pasar Rakyat dan Stesen MRT Bukit Bintang (739m).
6. TBM Cochrane 2 – Selesai menggali terowong arah selatan di antara Stesen Cochrane dan Stesen Pasar Rakyat (1km) pada 9 Januari 2014.
7. TBM Maluri 1 – Selesai menggali terowong arah utara di antara Stesen Cochrane dan Stesen MRT Maluri (721m), dan di antara Stesen Maluri dan Portal Maluri (300m) pada 8 April 2014.
8. TBM Maluri 2 – Selesai menggali terowong arah selatan di antara Stesen Cochrane dan Stesen MRT Maluri (717m), dan di antara Stesen Maluri dan Portal Maluri (304m) pada 24 April 2014.

# PROGRAM SUKARELAWAN KAKITANGAN (EVP): MEMBANTU MASYARAKAT DI SEKITAR JAJARAN MRT

*Oleh Nik Haizan Nik Zambri*




**KERJA SELESAI** • *Sukarelawan bergambar selepas mengecat dinding luar Dewan Komuniti Taman Shahjaya, Cheras.*



**BEKERJASAMA** • *Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (dalam pakaian berwarna putih) bergambar di luar Dewan Komuniti Taman Shahjaya sebelum memulakan aktiviti mengecat.*



**GOTONG-ROYONG** • *Sukarelawan membersihkan longkang dan kawasan-kawasan lain di Kampung Masjid di Sungai Buloh.*

**MASS** Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah memperkenalkan Program Sukarelawan Kakitangan MRT (EVP) untuk membolehkan kakitangannya serta mereka daripada Rakan Pelaksana Projek (PDP) dan kontraktor lain untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat yang tinggal di sekitar jajaran MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

Aktiviti EVP pertama telah berjaya dianjurkan pada 7 Jun 2014 melibatkan 80 orang kakitangan daripada MRT Corp, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd dan TSR Bina Sdn Bhd (TSR Bina). Mereka telah bergotong-royong membersihkan Kampung Masjid di Sungai Buloh, Selangor.

MMC Gamuda adalah PDP manakala TSR Bina adalah kontraktor bagi Pakej Kerja Bangunan Bertingkat "Park and Ride" Sungai Buloh.

Kampung Masjid terletak bersebelahan dengan tapak pembinaan Bangunan Bertingkat "Park and Ride" Sungai Buloh.

Peserta bersama-sama dengan penduduk Kampung Masjid telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan untuk menjalankan aktiviti gotong-royong tersebut. Antara tugasan yang diberikan adalah membersihkan longkang, menebang pohon-pohon kering dan mengutip sampah. Sampah kemudian telah diangkut menggunakan lori-lori yang disediakan oleh TSR Bina.

Seminggu kemudian, EVP dilaksanakan pula di Surau As-Salam di Kampung Selamat, Sungai Buloh pada pagi 14 Jun 2014 dimana kira-kira 60 orang kakitangan daripada MRT Corp, MMC Gamuda dan Syarikat Muhibah Perniagaan dan Pembinaan Sdn Bhd (SMPP) meluangkan masa mereka mengecat semula surau tersebut.

Kampung Selamat terletak berhadapan dengan Kampung Baru Sungai Buloh bersebelahan dengan jajaran MRT dalam Pakej V1 yang sedang dibina oleh SMPP. Selain mengecat surau tersebut, MRT Corp turut menyumbangkan RM2,000 kepada pihak surau bagi membuat persiapan sempena bulan Ramadan.

Aktiviti EVP ketiga telah dijalankan pada 21 Jun 2014. Ia merupakan aktiviti EVP terakhir sebelum masuknya bulan Ramadan dan Hari Raya Aidil Fitri.

Untuk aktiviti EVP kali ini, kira-kira 70 orang kakitangan daripada MRT Corp termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, MMC Gamuda dan kontraktor Pakej Kerja V6 Ahmad Zaki Sdn. Bhd. telah turun padang untuk mengecat Dewan Komuniti Taman Shahjaya.

Taman Shahjaya di Cheras terletak di antara tapak lokasi Stesen Sri Raya dan Stesen Bandar Tun Hussein Onn. Jejambat bertingkat MRT turut melintasi bersebelahan dengan dewan komuniti itu.

Dewan komuniti tersebut sering digunakan oleh penduduk Taman Shahjaya untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Sempena Ramadan, dewan itu digunakan untuk kemudahan penduduk menunaikan solat terawih.

# KARNIVAL SUKAN CLQ DIRAIKAN DENGAN PENUH RIANG

*Oleh Nik Haizan Nik Zambri*

**KEHIDUPAN** pekerja Projek MRT tidak hanya bertumpu pada kerja sahaja.

Kira-kira 300 orang pekerja telah berpeluang menunjukkan kemahiran bersukan mereka dan bergembira dalam meraikan karnival sukan yang dianjurkan untuk mereka yang bekerja di Projek MRT.

Karnival sukan tersebut, yang dianjurkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Rakan Pelaksana Projek (PDP), MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, telah diadakan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) pada 18 Mei 2014. Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid turut hadir memeriahkan karnival.

Pekerja telah dibahagikan kepada beberapa pasukan yang mewakili pakej kerja mereka masing-masing. Pasukan-pasukan tersebut mewakili Syarikat Muhibbah Perniagaan dan Pembinaan Sdn Bhd (SMPP) bagi pakej V1, Gadang Engineering (M) Sdn Bhd bagi pakej V2, Mudajaya Corporation Bhd bagi pakej V3, Sunway Construction Sdn Bhd bagi pakej V4, TSR Bina Sdn Bhd bagi pakej Bangunan Bertingkat "Park and Ride" Sungai Buloh, Trans Resources Corporation Sdn Bhd (TRC) bagi pakej Depoh Sungai Buloh dan Mitsubishi Heavy Industries Ltd bagi kerja-kerja landasan.

Setiap pasukan telah membentuk pasukan-pasukan kecil untuk mengambil bahagian dalam sukan bola tampar, sepak takraw, ping pong, dan futsal. Beberapa pasukan besar, seperti Sunway Construction, telah membentuk dua pasukan kecil bagi sukan futsal. Kebanyakan pasukan menyarung jersi yang mengikut tema warna masing-masing dan ada juga yang membawa bendera, sekali gus menghidupkan suasana karnival seakan penganjuran acara sukan kompetitif.

Pasukan TRC telah menjadi juara bagi acara ping pong, sementara pasukan Mudajaya menjuarai acara bola tampar. Bagi acara sepak takraw pula, kejuaraan telah diraih oleh pasukan SMPP.

Acara futsal menyaksikan pertembungan dua pasukan dari Sunway di peringkat akhir di mana Pasukan Sunway A muncul juara.

Selain memenangi pingat, setiap ahli pasukan juara mendapat hadiah berupa kredit prabayar bernilai RM100. Mereka turut menerima baucar makanan Kenny Rogers dan botol minuman MRT Corp.

Bagi pasukan di tempat kedua pula, setiap ahli pasukan menerima pingat, kredit prabayar bernilai RM50 dan botol minuman MRT Corp.

Sementara bagi pasukan di tempat ketiga, mereka menerima pingat, kredit prabayar bernilai RM30 dan botol minuman MRT Corp.

Kesemua pingat dan hadiah disampaikan oleh Datuk Wira Azhar.

Beliau memberitahu bahawa akan ada lebih banyak penganjuran karnival sukan selepas ini bagi menggalakkan semangat kesukanan dan setiakawan di kalangan para pekerja yang datang dari pelbagai negara untuk bekerja bagi Projek MRT.

"Karnival ini juga merupakan salah satu cara untuk menunjukkan penghargaan atas usaha keras yang ditunjukkan para pekerja kami dan saya berharap mereka berasa gembira mengambil bahagian dalam semua acara yang dianjurkan," kata beliau.




**PENCAPAIAN YANG BAIK** • *Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Wira Azhar Abdul Hamid (memakai kemeja-T maroon) bergambar bersama pekerja selepas majlis penyampaian hadiah.*




**PENUH BANGGA** • *Datuk Wira Azhar Abdul Hamid menyampaikan replika cek kepada Pasukan Sunway B, pemenang tempat kedua bagi acara futsal. Bersamanya ialah Timbalan Pengarah Pembinaan MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Encik Adil Putra Ahmad.*



**PERTEMUAN SENGIT** • *Pasukan Sunway A dan B bersedia untuk memulakan perlawanan futsal peringkat akhir.*



Kami mengalu-alukan sebarang pertanyaan dan cadangan anda
Sila e-mel kepada **feedback@mymrt.com.my**

**HOTLINE 24 JAM**
**1800 82 6868**
**www.mymrt.com.my**

MRTMalaysia MRTMalaysia MRTMalaysia

**PUSAT INFO MRT**

No. 52, Jalan SS21/1,
Damansara Utama, Petaling Jaya,
47400, Selangor.

Isnin - Jumaat: **10:00am - 6:00pm**
Sabtu: **10:00am - 2:00pm**

**IBU PEJABAT KORPORAT MRT**

**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (902884-V)
Tingkat 5, Menara I & P 1
No. 46, Jalan Dungun
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

**DITERBITKAN OLEH:** MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) **DICETAK OLEH:** PACIFIC PRINTING & TRADING